

03 NOV 1996

LIMOS-Lotus

LOTUS DI PAMERAN MOTOR ANTARABANGSA LANGKAWI '96

LANGKAWI, 3 Nov (Bernama) -- Peminat kereta lumba, Lotus akan berpeluang melihat kenderaan buatan Britain itu pada Pameran Motor Antarabangsa Langkawi (Limos `96) selama sembilan hari mulai 30 Nov.

Pengurus Pemasaran Le Proton Exhibitions Sdn. Bhd. Puan Azma Rahman berkata lapan buah kereta itu akan dipamerkan buat pertama kali di negara ini selepas saham syarikat pembuat kenderaan itu dibeli oleh sebuah syarikat di Malaysia.

Pengesahan penyertaan mempamerkan kereta itu dibuat selepas Pengerusi DRB Hicom Tan Sri Yahya Ahmad menandatangani pembelian syarikat itu di London baru-baru ini, katanya ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat persiapan Limos `96 di sini hari ini. Mesyuarat itu dipengerusikan Pegawai Daerah Langkawi Haji Ismail Hamid.

Penyertaan Lotus itu diharapkan dapat menarik lebih ramai pengunjung pada Limos `96, katanya.

Selain itu, dua kereta lumba formula 1 tajaan Petronas dan Mercedes Benz akan turut dipamerkan pada Limos `96, berbanding sebuah pada Limos `95.

Azma berkata sehingga ini sebanyak 80 syarikat dari 11 negara mengesahkan mengambil bahagian yang akan mempamerkan kira-kira 210 buah kereta pelbagai jenis termasuk keluaran terbaru, Fiat Mario.

Antaranya ialah Korea Selatan, Jerman, Thailand, China, Itali, Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Australia dan Singapura.

Jumlah penyertaan syarikat berlipat ganda berbanding 37 syarikat pada Limos `95, ini menunjukkan Limos mendapat sambutan menggalakkan, katanya.

DRB Hicom merupakan syarikat terbesar yang akan mempamerkan pelbagai jenis kenderaan, syarikat itu telah menempah kira-kira 3,500 meter persegi untuk pameran, katanya.

Beliau berkata Limos `96 dijadual akan berlangsung selama 10 hari mulai 29 Nov bagaimanapun dipinda lewat sehari mulai 30 Nov ini

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan pameran itu pada 1 Dis. Hari pertama, 30 Nov dibuka untuk akhbar tempatan dan luar negeri.

Wakil-wakil media asing akan turut memberikan liputan meluas pameran termasuk dari Britain, Jerman, Perancis dan negara-negara Asean.

Azma berakat 50 buah Ferrari yang dibawa dari tanah besar akan mengelilingi Langkawi pada 2 Dis.

Bagi memeriahkan Limos `96, acara baru perlumbaan merentas desa Asean akan dipertandingkan selama tiga hari mulai 30 Nov.

Tidak ketinggalan perlumbaan go kart jemputan antarabangsa akan turut diadakan pada 6 dan 7 Dis.

Langkawi juga akan menjadi gelanggang terakhir Kejohanan cub Prix peringkat kebangsaan yang dijangka disertai 100 pelumba pada 8 Dis. Aktiviti harian seperti pertandingan melukis dan kuiz untuk kanak-kanak sekolah akan turut diadakan sepanjang Limos `96. -- BERNAMA

ZI RON